

PENDEKATAN FIQH *AL-TAYSĪR* DALAM RUKUN *QAWLĪ* SOLAT MUALAF: ANALISIS MENURUT MAZHAB SYĀFI'Ī

THE FIQH *AL-TAYSĪR* APPROACH TO THE VERBAL INTEGRALS (*RUKN QAWLĪ*) OF PRAYER FOR MUSLIM CONVERTS: AN ANALYSIS ACCORDING TO THE SHĀFI'Ī SCHOOL

^{i*}Mohd Fakerei Muhayiddin & ⁱⁱMohd Ramizu Abdullah

^{i*}Calon Sarjana Dirasat Islamiyyat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

ⁱⁱFakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *seruanislam80@gmail.com

ABSTRAK

Fiqh *taysīr* merupakan prinsip asas dalam Islam yang menegaskan bahawa pelaksanaan hukum syarak perlu mengambil kira kemampuan dan keadaan sebenar mukalaf. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti secara khusus aplikasi prinsip ini dalam rukun *qawlī* solat bagi mualaf masih terhad, khususnya dalam kerangka mazhab Syāfi'ī. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis aplikasi fiqh *taysīr* dalam rukun *qawlī* solat bagi mualaf di Malaysia melalui analisis teks turath. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan terhadap karya-karya muktabar mazhab Syāfi'ī. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bacaan yang mempunyai nilai *i'jāz* seperti surah Fatihah tidak boleh digantikan dengan terjemahan, sebaliknya hanya boleh digantikan dengan ayat al-Quran yang lain. Manakala bacaan yang tidak mempunyai nilai *i'jāz* seperti *takbīratul ihrām*, tasyahhud, selawat dan salām dibenarkan terjemahannya secara sementara dalam keadaan keuzuran yang nyata. Kajian ini turut mendapati bahawa rukhsah yang diberikan bersifat peralihan dan terikat dengan kewajipan pembelajaran berterusan. Sumbangan utama kajian ini ialah cadangan satu kerangka modul pembelajaran ibadah solat secara berperingkat yang mengintegrasikan prinsip *taysīr* sebagai asas pedagogi, khusus untuk diaplikasikan oleh institusi bimbingan mualaf seperti PERKIM dan pusat dakwah.

Kata Kunci: Fiqh *al-Taysīr*; Mualaf; Rukun *Qawlī*; Mazhab Syāfi'ī; *I'jāz*

ABSTRACT

Fiqh taysir is a foundational Islamic principle affirming that religious rulings must account for the genuine capacity and circumstances of the mukallaf (legally responsible person). However, studies that specifically examine the application of this principle within the verbal pillars (rukun qawli) of prayer for Muslim converts (mualaf) remain limited, particularly within the framework of the Shāfi'ī legal school. Accordingly, this study analyses the application of Fiqh taysir within the verbal pillars (rukun qawli) of prayer for Muslim converts in Malaysia, specifically within the Shāfi'ī legal school, through classical textual analysis. Using a library-based qualitative approach, the study finds that verbal pillars possessing miraculous character (i'jāz) such as Sūrah al-Fātiḥah cannot be replaced by translation but may be substituted with other Quranic verses. Non-miraculous pillars such as takbīratul iḥrām, tashahhud, salāwāt, and salām may be rendered temporarily in a comprehensible language under genuine incapacity. The study further finds that the rukhsah granted is transitional in nature and bound by the continuing obligation to learn the original Arabic recitation. The principal contribution of this study lies in the suggestion of a structured, stage-based learning module for prayer instruction, grounded in taysir principles as its pedagogical foundation and intended for direct application by mualaf institutions such as PERKIM and other dakwah centres.

Keywords: *Fiqh al-Taysir; Muslim converts; Rukun Qawli; Shāfi'ī school; I'jāz*

Diserahkan: 10-05-2026

Diterima: 22-06-2026

Atas Talian: 30-06-2026

PENDAHULUAN

Solat merupakan rukun Islam yang kedua dan ibadah paling asas dalam kehidupan seorang Muslim. Ia bukan sekadar amalan harian, tetapi menjadi asas hubungan antara hamba dengan Allah SWT. Namun bagi mualaf dewasa, proses mempelajari dan melaksanakan solat dengan baik bukanlah sesuatu yang mudah. Kajian Ali Akbar et al. (2024) mendedahkan kefahaman hukum-hakam solat sering kali menjadi cabaran utama kepada mualaf. Mereka perlu menyesuaikan diri dengan bahasa Arab, memahami lafaz-lafaz khusus, dan menguasai tatacara ibadah dalam tempoh yang singkat, sering kali tanpa bimbingan yang mencukupi.

Peralihan kepada identiti sebagai Muslim tidak berlaku secara ritual semata-mata, tetapi melibatkan perubahan yang lebih luas dari sudut budaya, psikologi dan sosial. Kajian Awang, Che Mat dan Abdul Ghani (2022) menunjukkan bahawa sebahagian mualaf berdepan kekeliruan identiti, kekangan ilmu agama dan kesukaran membina jaringan sosial yang menyokong perkembangan spiritual mereka. Dalam keadaan tertentu, mereka turut berhadapan tekanan emosi akibat penolakan keluarga, ketidakstabilan hidup dan keterasingan sosial

(Awang & Che Mat, 2025). Situasi ini memberi kesan langsung kepada motivasi dan keupayaan mereka untuk terus istiqamah dalam mengamalkan ajaran Islam.

Dalam konteks Malaysia yang pelbagai latar etnik dan budaya, cabaran ini menjadi lebih ketara. Kajian Paiz Hassan et al. (2023) mendapati bahawa tahap penghayatan agama dalam kalangan sebahagian muallaf masih rendah, khususnya dalam aspek ibadah asas seperti solat. Perkara ini mencerminkan bahawa masalah yang dihadapi bukan semata-mata berkaitan teknik pelaksanaan ibadah, tetapi turut melibatkan cara ilmu tersebut disampaikan dan difahami.

Mohd Afandi Mat Rani et al. (2022) mendapati terdapat muallaf yang telah lama memeluk Islam tetapi masih belum menguasai bacaan surah al-Fatihah dan tidak mendirikan solat. Kajian Basir et al. (2024) pula menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang terlalu menumpukan aspek kognitif semata-mata tidak mencukupi, kerana muallaf sebenarnya memerlukan sokongan yang lebih menyeluruh melibatkan emosi, bimbingan dan hubungan sosial.

Kelemahan ini menjadi kritikal apabila melibatkan rukun *qawli* dalam solat, kerana bacaan tertentu merupakan syarat sah ibadah. Kegagalan menguasainya bukan sahaja menjejaskan kualiti ibadah, bahkan boleh menimbulkan keraguan terhadap kesahannya. Hal ini menimbulkan persoalan yang perlu dijawab: Sejauh mana pendekatan pengajaran fiqh solat yang diamalkan hari ini benar-benar sesuai dengan kemampuan dan realiti muallaf?

Di sinilah prinsip fiqh *taysir* menjadi relevan. Perkataan *taysir* berasal daripada akar kata *yassara* yang bererti mudah atau fleksibel, dengan antonimnya *al-'usr* yang bermaksud sukar. Al-Mu'ati (2007) mendefinisikannya sebagai pensyariatan hukum dengan cara menjaga keperluan dan kemampuan mukalaf dalam mematuhi perintah dan menjauhi larangan tanpa menjejaskan prinsip asas perundangan Islam. 'Abd al-Raqib Sālih Muḥsin (2019) pula mentakrifkannya sebagai pembinaan hukum-hakam syarak berdasarkan kemampuan normal manusia, dengan mengambil kira keadaan darurat dan situasi luar biasa melalui hukum-hakam khas yang memberi kelonggaran, namun tanpa menyeleweng atau melampaui batas tuntutan syarak. Landasan prinsip ini kukuh dalam nas syarak, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:185) yang bermaksud:

"Allah menghendaki kemudahan bagi kamu, dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu."

Al-Mu'ati (2007) menghuraikan prinsip ini sebagai pendekatan yang menekankan kemudahan dalam pelaksanaan hukum dengan mengambil kira kemampuan mukalaf tanpa menjejaskan asas syariat. Pendekatan ini membuka ruang kepada pelaksanaan ibadah secara berperingkat, selari dengan realiti pembelajaran muallaf.

Walaupun perbincangan tentang *taysīr* telah berkembang dalam pelbagai konteks, kajian yang memberi tumpuan khusus kepada rukun *qawli* solat dalam kerangka mazhab Syāfi'ī bagi muallaf masih sangat terhad. Lebih ketara, belum wujud satu kerangka modul pembelajaran yang tersusun berasaskan analisis teks turath yang boleh dijadikan panduan praktikal oleh institusi bimbingan muallaf.

Terdapat jurang yang nyata dalam membincangkan isu ini. Kajian terdahulu sama ada membincangkan *taysīr* secara umum tanpa mengkhususkannya kepada struktur ibadah tertentu, atau membincangkan muallaf tanpa menyentuh isu teknikal rukun *qawli* secara terperinci. Tiada kajian yang menggabungkan kedua-dua dimensi ini dalam satu kerangka yang bersandarkan teks mazhab Syāfi'ī sekaligus menterjemahkannya kepada cadangan modul pembelajaran yang operasional.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk tiga tujuan: Pertama, menganalisis konsep dan parameter *taysīr* dalam kerangka mazhab Syāfi'ī; Kedua, meneliti bagaimana prinsip ini diaplikasikan terhadap bacaan rukun *qawli* yang berbeza sifatnya, khususnya antara yang mempunyai nilai *i'jāz* dan yang tidak. Ketiga, merangka cadangan modul pembelajaran ibadah solat yang berperingkat, berdasarkan prinsip *taysīr*, untuk kegunaan institusi muallaf.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan fiqh *taysīr* telah berkembang merentasi pelbagai bidang. Walau bagaimanapun, apabila diteliti secara kritikal, terdapat beberapa kekurangan yang belum ditangani oleh kajian-kajian tersebut.

Azman Ab Rahman et al. (2020) mengemukakan kerangka pelaksanaan ibadah bagi golongan OKU dengan menggabungkan pandangan pelbagai mazhab. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa prinsip *taysīr* boleh dioperasikan dalam konteks spesifik. Namun, limitasinya ialah perbincangan hanya menyentuh pelaksanaan ibadah secara umum tanpa memperincikan perbezaan hukum berdasarkan komponen tertentu seperti rukun *qawli* solat. Pendekatan merentas mazhab yang digunakan juga tidak sesuai diaplikasikan secara langsung dalam konteks Malaysia yang berpegang kepada mazhab Syāfi'ī.

Paiz Hassan et al. (2023) dengan jelas mengkritik pendekatan hukum yang terlalu ketat dalam interaksi dengan masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam. Kajian ini menawarkan landasan teori yang berguna, termasuk pengiktirafan *al-jahl* sebagai salah satu sebab rukhsah. Walaupun begitu, kajian tersebut tidak menghuraikan secara operasional bagaimana prinsip *taysīr* diterapkan dalam komponen bacaan wajib solat, mahupun membezakan antara bacaan yang mempunyai nilai *i'jāz* dengan yang tidak. Ini menjadikan dapatan kajian tersebut sukar untuk diterjemahkan kepada panduan pengajaran ibadah.

Dalam bidang kesihatan, Nur Mardia Mazri et al. (2024) dan Zahin Mohamad Tahir & Arieff Salleh Rosman (2024) membuktikan keluasan hukum Islam melalui prinsip *al-*

mashaqqah tajlib al-taysir dalam kes pesakit *skizoafektif* dan dialisis. Kajian-kajian ini bernilai dari sudut metodologi kerana menggunakan analisis teks fiqh secara terperinci. Namun, fokusnya kepada keuzuran fizikal yang bersifat darurat berbeza daripada keuzuran pembelajaran yang dialami oleh mualaf, yang lebih bersifat berterusan dan berperingkat. Perbezaan sifat keuzuran ini memerlukan pendekatan *taysir* yang berbeza, sesuatu yang belum dibincangkan dalam kajian-kajian tersebut.

Norhijjah Siamil et al. (2022) menunjukkan aplikasi *taysir* dalam situasi bencana banjir. Kajian ini berguna sebagai contoh betapa luasnya skop penggunaan kaedah fiqh berkenaan, tetapi bersifat makro dan episodik, tidak relevan untuk membina kerangka pedagogi ibadah yang berterusan.

Ahmad Musadad et al. (2025) memperkenalkan konsep *taysir manhaji* dalam ekonomi Islam. Kerangka sistematik yang mereka usulkan menunjukkan bahawa *taysir* boleh diformulasikan secara terstruktur merentasi pelbagai bidang. Namun, konsep ini belum diterapkan dalam bidang ibadah, khususnya untuk mualaf.

Zohdi Amin (2017) menegaskan bahawa mualaf memerlukan kaedah pengajaran yang lebih adaptif berbanding Muslim sejak lahir, dan mencadangkan pendekatan *taysir* sebagai asas metodologi. Walaupun cadangan ini relevan, kajian tersebut bersifat awal dan tidak menawarkan kerangka kurikulum yang terperinci.

Jika dibandingkan secara kritikal, kajian-kajian ini dapat dibahagikan kepada dua pendekatan utama. Pendekatan pertama, seperti yang digunakan oleh Azman Ab. Rahman et al. (2020) dan Norhijjah Siamil et al. (2022), menerapkan konsep *taysir* berdasarkan keadaan tertentu. Kajian mereka memfokuskan kepada situasi khusus seperti golongan orang kurang upaya (OKU) atau mangsa bencana banjir, tanpa membentuk satu kerangka yang boleh diaplikasikan dalam konteks lain. Pendekatan kedua pula, seperti kajian Nur Mardia Mazri et al. (2024) serta Zahin Mohamad Tahir dan Arieff Salleh Rosman (2024), lebih kukuh dari sudut metodologi kerana menggunakan analisis yang mendalam terhadap teks-teks fiqh. Walau bagaimanapun, kajian mereka menumpukan kepada keuzuran yang bersifat fizikal dan sementara, sedangkan keuzuran yang dihadapi oleh mualaf dalam mempelajari bacaan solat lebih berkaitan dengan aspek pembelajaran, kefahaman dan amalan secara berperingkat. Sementara itu, kajian Paiz Hassan et al. (2023) menyumbang kepada perbincangan dengan mengiktiraf *al-jahl* sebagai salah satu sebab yang membolehkan pemberian rukhsah. Namun, kajian tersebut tidak menghuraikan secara khusus bagaimana prinsip tersebut boleh diaplikasikan terhadap rukun-rukun *qawli* dalam solat.

Berdasarkan sorotan ini, tiga jurang kajian dapat dikenal pasti. Pertama, kajian-kajian terdahulu membincangkan *taysir* pada tahap umum tanpa memperincikan aplikasinya dalam struktur ibadah yang spesifik. Kedua, kajian berkaitan mualaf lebih menumpukan kepada aspek dakwah dan penerimaan agama, tanpa memberi perhatian kepada isu teknikal rukun *qawli* solat secara sistematik. Ketiga, walaupun terdapat usaha membina kerangka *taysir* dalam bidang

tertentu, tiada kajian yang menterjemahkan kerangka tersebut kepada cadangan modul pembelajaran ibadah. Kajian ini dirancang untuk mengisi ketiga-tiga jurang tersebut.

METODOLOGI DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan. Tumpuan diberikan kepada sumber turath mazhab Syāfi'ī sebagai rujukan utama, khususnya *Mughnī al-Muhtāj* oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī, *Nihāyah al-Muhtāj* oleh al-Ramlī dan *al-Majmū'* oleh Imam al-Nawawī. Pemilihan kitab-kitab ini dibuat kerana ia merupakan antara rujukan muktabar dalam mazhab Syāfi'ī yang menghuraikan hukum fiqh secara terperinci serta menjadi asas rujukan dalam perbincangan berkaitan ibadah, termasuk isu rukhsah dan *taysīr*. Selain itu, sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas kerja yang membincangkan konsep *taysīr*, mualaf dan ibadah turut digunakan bagi menyokong analisis. Ia turut menghubungkan perbahasan fiqh klasik dengan konteks semasa.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti teks-teks fiqh yang berkaitan, diikuti perbandingan antara pandangan fuqaha dalam isu rukun *qawli*. Proses analisis dilakukan dalam tiga peringkat: pertama, pengenalanpastian dan pengumpulan teks berkaitan; kedua, analisis kandungan teks bagi mengenal pasti hukum-hakam spesifik. Ketiga, sintesis dapatan bagi membina kerangka *taysīr* yang tersusun.

Bagi memastikan proses analisis dijalankan secara teliti dan konsisten, setiap teks yang dikumpulkan pada peringkat pertama diteliti dan dikelaskan secara manual mengikut tema utama, iaitu kategori rukun *qawli* (lafaz yang mempunyai nilai *i'jāz* dan bukan *i'jāz*), syarat pemberian rukhsah, serta sebab-sebab keuzuran. Pada peringkat kedua, setiap petikan yang telah dikelaskan dibandingkan antara pandangan al-Khaṭīb al-Shirbīnī, al-Ramlī dan Imam al-Nawawī bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan pandangan hukum sebelum sesuatu rumusan dibuat. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan, penulis turut membandingkan dapatan tersebut dengan pandangan ulama mazhab bagi setiap isu yang mempunyai perbezaan pandangan. Langkah ini diambil bagi memastikan setiap rumusan yang dibuat disokong oleh sumber fiqh yang kukuh. Pada peringkat akhir, semua hukum yang telah dikenal pasti dihipunkan dan disusun dalam satu kerangka yang jelas berdasarkan kategori *i'jāz* atau bukan. Kerangka ini seterusnya dijadikan asas untuk membina cadangan modul pembelajaran secara berperingkat bagi membantu mualaf mempelajari rukun *qawli* dalam solat.

Pemilihan sumber dalam kajian ini dibuat secara terarah agar bahan yang dianalisis benar-benar berkaitan dengan fokus kajian. Bagi sumber primer, hanya karya turath mazhab Syāfi'ī yang muktabar dipilih, khususnya kitab yang menghuraikan hukum ibadah solat secara terperinci seperti *al-Majmū'*, *Mughnī al-Muhtāj* dan *Nihāyah al-Muhtāj*. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan perbincangan kekal dalam kerangka mazhab yang diamalkan di Malaysia serta mengelakkan percampuran pandangan yang tidak konsisten.

Bagi sumber sekunder, rujukan merangkumi artikel jurnal, tesis dan penulisan akademik yang membincangkan konsep *taysīr*, isu muafak serta aplikasi kaedah fiqh dalam ibadah dalam tempoh tahun 2017 hingga 2025. Keutamaan diberikan kepada kajian yang mempunyai kaitan langsung dengan isu kesukaran pelaksanaan ibadah dan pendekatan penyelesaiannya.

Sumber yang bersifat umum tanpa perbincangan khusus, tidak mempunyai sandaran akademik yang jelas, atau tidak berkaitan secara langsung dengan fokus kajian tidak digunakan. Pendekatan ini membantu memastikan analisis yang dibina berasaskan rujukan yang sahih, relevan dan selari dengan objektif kajian.

Secara lebih khusus, kriteria inklusif yang digunakan dalam pemilihan sumber merangkumi tiga unsur: Pertama, sumber primer mestilah karya muktabar yang diiktiraf dalam kurikulum pengajian mazhab Syāfi'ī di institusi pengajian tinggi Malaysia; Kedua, sumber sekunder mestilah diterbitkan dalam tempoh 2017 hingga 2025 bagi memastikan kesinambungan dengan wacana akademik semasa berkaitan *taysīr* dan muafak; Ketiga, kedua-dua jenis sumber mestilah membincangkan secara langsung sama ada isu rukhsah dalam ibadah, isu pembelajaran muafak, atau kaedah fiqh *al-mashaqqah tajlib al-taysīr*. Sebaliknya, kriteria eksklusif merangkumi sumber yang membincangkan *taysīr* secara umum tanpa kaitan dengan ibadah solat, sumber yang menggunakan pendekatan merentas mazhab tanpa penajaran semula dengan mazhab Syāfi'ī, serta sumber sekunder yang tidak melalui proses penilaian rakan sebaya (*peer-review*). Penerapan kriteria ini secara konsisten bertujuan mengukuhkan kesahan dalaman (*internal validity*) kajian dan mengelakkan bias pemilihan sumber yang boleh menjejaskan ketepatan dapatan.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah Fiqh Berkaitan *Taysīr*

Konsep *taysīr* dihuraikan melalui kaedah fiqh utama: *al-mashaqqah tajlib al-taysīr*, bermaksud 'kesukaran membawa kepada kemudahan.' Al-Suyūfī (1990) dalam *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* membezakan antara *masyaqqah* yang tidak menggugurkan kewajipan dengan *masyaqqah* yang boleh menggugurkan kewajipan. Beliau menyatakan sebab-sebab yang membolehkan rukhsah antaranya ialah darurat (*al-darūrah*), kesulitan (*al-mashaqqah*), paksaan (*ikrāh*), kejahatan (*al-jahl*), keadaan umum yang sukar dielak (*'umum al-balwā*), dan perihal individu.

Parameter Penggunaan *Taysīr*

Para ulama menegaskan bahawa *taysīr* mestilah berlandaskan garis panduan yang ketat. Hudhayfah Ahmad (2015) menyenaraikan antara ketentuan *taysīr*: dibina berdasarkan dalil syarak, mengambil kira realiti masa dan tempat, mengiktiraf 'urf masyarakat, menilai maslahat mu'tabarah, tidak membawa kepada talfīr yang dilarang, tidak mengikut hawa nafsu, dan kezuran mesti berada pada tahap yakin.

Al-Ṭawīl (2005) menetapkan tiga parameter asas: pertama, *taysīr* mesti bersandar kepada nas yang sahih; kedua, tidak boleh melebihi batas nas syarak; ketiga, tidak boleh bercanggah secara langsung dengan nas yang jelas. Ketiga-tiga parameter ini membezakan *taysīr* yang sahih daripada sekadar kelonggaran tanpa kawalan.

Jadual 1: Parameter dan Ketentuan Penggunaan *Taysīr* Menurut Ulama

Sumber	Ketentuan/Parameter	Fungsi dalam Kerangka Kajian
Hudhayfah Ahmad (2015)	Berdalil syarak; mengambil kira realiti masa dan tempat; mengiktiraf <i>‘urf</i> ; menilai maslahat <i>mu‘tabarah</i> ; tidak membawa kepada <i>talfīq</i> ; bukan ikut hawa nafsu; keuzuran mesti yakin	Asas penilaian tahap keuzuran mualaf sebelum rukhsah diberi
Al-Ṭawīl (2005)	Mesti bersandar nas sahih; tidak melebihi batas nas; tidak bercanggah dengan nas yang jelas	Pembeza antara rukhsah yang sah dan kelonggaran tanpa kawalan
Al-Suyūṭī (1990)	Sebab rukhsah: <i>al-darūrah</i> , <i>al-mashaqqah</i> , <i>ikrāh</i> , <i>al-jahl</i> , <i>‘umum al-balwā</i> , dan perihal individu	Mengenal pasti jenis keuzuran yang relevan dengan situasi mualaf

Sumber: Analisis Pengkaji (2026)

Aplikasi *Taysīr* Mengikut Kategori Rukun *Qawli*

Mazhab Syāfi‘ī membahagikan bacaan rukun *qawli* kepada dua kategori berdasarkan sifat *i‘jāz* lafaznya. Pembahagian ini menjadi asas kepada aplikasi *taysīr* yang berbeza.

Bagi bacaan yang mengandungi nilai *i‘jāz*, iaitu Surah Fatihah, al-Khaṭīb al-Shirbīnī (1997) dalam *Mughnī al-Muhtāj* menegaskan bahawa jika seseorang tidak mengetahui Fatihah disebabkan ketiadaan guru, mushaf atau sebagainya, hendaklah dia membaca tujuh ayat lain daripada al-Quran dan bukan terjemahan. Bagi individu yang benar-benar tidak mampu menyebut dengan tepat termasuk kes mualaf yang lidahnya belum terbiasa, solatnya tetap sah. Namun jika individu mampu belajar tetapi mengabaikannya, solatnya tidak sah.

Ibn Qudāmah al-Maqdisī (2010) dalam *al-Mughnī* menegaskan bahawa Fatihah tidak memadai dibaca dalam selain bahasa Arab. Lafaznya tidak boleh digantikan dengan lafaz Arab lain sekalipun, sama ada seseorang itu fasih atau tidak. Beliau menisbahkan pandangan ini kepada Imam al-Syāfiʿī, Abu Yūsuf dan Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī (jld. 1, hlm. 350). Mazhab al-Mālikī pula menekankan kewajipan usaha aktif sebelum rukhsah diambil kira. Al-'Adawī (t.t.) menyatakan bahawa seseorang yang tidak mampu melaksanakan bacaan solat kecuali dengan bimbingan talqin wajiblah mendapatkan pembimbing walau perlu mengeluarkan upah (jld. 1, hlm. 347). Abu Ḥanīfah bagaimanapun berbeza dengan jumhur dalam isu Fatihah khususnya, kerana beliau mengharuskan pembacaannya dalam bahasa selain Arab bagi mereka yang tidak menguasai bahasa Arab

Bagi bacaan yang tidak mengandungi nilai *i'jāz*, al-Khaṭīb al-Shirbīnī (1997) menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mampu melafazkan *takbīratul ihrām* dalam bahasa Arab dan tidak sempat mempelajarinya sebelum luput waktu solat, wajib diterjemahkannya. Al-Ramlī (1992) dalam *Nihāyah al-Muhtāj* memperjelaskan bahawa terjemahan *tasyahhud* dan selawat dalam apa jua bahasa yang difahami adalah wajib apabila tidak mampu melafazkannya dalam bahasa Arab. Kewajipan mempelajari lafaz Arab tetap kekal selagi kemampuan ada. Rukhsah ini bersifat peralihan, bukan kekal. Ringkasan bagi kerangka *taysīr* dalam rukun *qawli* dipaparkan dalam jadual 2 dan rajah 1 seperti di bawah:


Jadual 2: Kerangka *Taysīr* dalam Rukun *Qawli*

Rukun <i>Qawli</i>	Hukum Asal	Sebab Keuzuran	Rukhsah <i>Taysīr</i> bagi Mualaf	Sifat & Tempoh Rukhsah
Surah al-Fātiḥah	Wajib dalam bahasa Arab; tiada terjemahan	Ketiadaan guru/mushaf; lidah mualaf belum terbiasa menyebut dengan tepat	Ganti dengan 7 ayat lain dari al-Quran; bukan terjemahan	Kekal sah jika benar-benar tidak mampu; tidak sah jika mampu belajar tetapi mengabaikannya
Takbīratul Ihrām	Wajib lafaz 'Allāhu Akbar' dalam bahasa Arab	Tidak mampu melafazkan dalam bahasa Arab dan waktu solat luput	Wajib diterjemah ke bahasa yang difahami	Sementara; wajib kembali ke lafaz Arab bila mampu
<i>Tasyahhud</i>	Wajib dalam bahasa Arab	Tidak mampu melafazkan dalam bahasa Arab	Terjemahan dalam apa jua bahasa yang difahami adalah wajib	Peralihan; kewajipan mempelajari lafaz Arab kekal selagi berkemampuan

Selawat ke atas Nabi SAW	Wajib dalam bahasa Arab	Sama seperti tasyahhud	Sama hukum tasyahhud	Peralihan; wajib kembali ke lafaz Arab bila mampu
Salām	Wajib lafaz al-salām ‘alaykum	Keuzuran yang nyata dan disahkan	Terjemahan dibenarkan dalam keuzuran nyata	Wajib kembali ke lafaz Arab sebaik keuzuran tamat

Sumber: Analisis Pengkaji (2026)

Rajah 1: Kaedah *Taysir* bagi Mualaf dalam Rukun *Qawli*



Sumber: Analisis Pengkaji (2026)

PERBINCANGAN

Kerangka *I'jāz* sebagai Pembeza Utama

Pembahagian rukun *qawli* kepada dua kategori berdasarkan sifat *i'jāz* mencerminkan kefahaman mendalam ulama mazhab Syāfi'ī terhadap maqāsid syariah. Kerangka ini selaras dengan pandangan al-Shātibī (1995) dalam al-Muwāfaqāt yang menegaskan bahawa hukum Islam bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta secara seimbang. Membezakan antara bacaan mukjizat dan bukan mukjizat adalah manifestasi keseimbangan ini.

Dari perspektif pedagogi, perbezaan ini penting kerana ia menentukan jenis intervensi yang boleh diberikan kepada mualaf. Bagi Surah Fatihah, penggantian hanya boleh dibuat dengan ayat al-Quran yang lain, manakala bagi bacaan bukan *i'jāz*, terjemahan dibenarkan sebagai langkah peralihan. Ini bermakna pengajar mualaf perlu memahami perbezaan kategori ini sebelum memberi panduan, kerana kesilapan dalam hal ini boleh menjejaskan kesahan solat.

Model pendidikan Rasulullah SAW terhadap Mu'āwiyah bin al-Ḥakam al-Sulamī yang diulas oleh Imam al-Nawawī (1996) menunjukkan bahawa pendekatan berlemah lembut dengan orang yang belum tahu merupakan sunnah yang wajar menjadi asas setiap sesi pengajaran solat kepada mualaf.

Taysīr bukan Pelepasan Tanggungjawab

Aspek paling penting yang membezakan *taysīr* daripada sekadar kelonggaran ialah kesinambungan kewajipan belajar. Dalam semua kes yang dibincangkan, ulama menegaskan bahawa mualaf wajib berusaha mempelajari lafaz Arab. Rukhsah hanya bersifat peralihan. Hudhayfah Ahmad (2015) memperingatkan bahawa keuzuran yang membolehkan rukhsah mestilah berada pada tahap yakin, bukan sangkaan semata-mata. Paiz Hassan et al. (2023) turut mengingatkan bahawa perbincangan *al-jahl* perlu difahami dengan mendalam supaya ia tidak disalahgunakan.

Implikasi ini penting bagi institusi bimbingan mualaf. Seseorang pengajar yang terlalu mudah memberikan rukhsah tanpa memastikan mualaf berusaha mempelajari lafaz Arab sebenarnya tidak membantu, malah boleh menangguhkan penguasaan mualaf secara berterusan. *Taysīr* yang sahih adalah *taysīr* yang memiliki jangka masa penguasaan yang jelas dan mekanisme pemantauan yang tersusun.

Cadangan Modul Pembelajaran Ibadah Solat Berperingkat

Sumbangan baharu kajian ini ialah cadangan kerangka modul pembelajaran ibadah solat yang berperingkat untuk institusi bimbingan mualaf seperti PERKIM dan pusat dakwah. Modul ini dibina berdasarkan prinsip *taysīr* sebagai asas pedagoginya dan mengambil kira pembahagian rukun *qawli* kepada kategori *i'jāz* dan bukan *i'jāz*.

Peringkat pertama, yang dicadangkan untuk tempoh satu hingga tiga bulan pertama keislaman, memberi tumpuan kepada bacaan bukan *i'jāz*. Mualaf diajar makna dan fungsi setiap rukun *qawli* dalam bahasa yang mereka fahami, kemudian diperkenalkan lafaz asal secara beransur. Dalam tempoh ini, terjemahan dibenarkan sebagai jambatan pemahaman, bukan sebagai pengganti kekal.

Peringkat kedua, pada bulan keempat hingga keenam, menumpukan kepada hafazan Surah Fatihah secara berstruktur. Latihan hafazan dilakukan secara berperingkat. Ia bermula dengan surah-surah pendek yang lain bagi membiasakan pendengaran dan lidah dengan bunyi Arab, sebelum Fatihah diperkenalkan secara keseluruhan. Pengajar perlu memantau kemajuan mualaf dan merekod peringkat penguasaan mereka.

Peringkat ketiga, pada bulan ketujuh ke atas, ialah peringkat penyempurnaan dan pengukuhan. Mualaf pada tahap ini sepatutnya sudah mampu melaksanakan solat sepenuhnya dalam bahasa Arab. Rukhsah terjemahan tidak lagi terpakai melainkan dalam keadaan uzur yang benar-benar nyata, dan perlu diakui oleh pengajar atau institusi yang berkenaan.

Cadangan modul ini bukan sekadar teori. Ia boleh disepadukan ke dalam kurikulum sedia ada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) atau dijadikan asas kepada modul baru di pusat-pusat dakwah negeri. Seperti yang ditegaskan oleh 'Abd al-Raqīb Ṣāliḥ Muḥsin (2019), antara implikasi ketiadaan *taysir* yang teratur ialah menjauhkan manusia daripada syariat, menyebabkan kesukaran dan kesempitan, bercanggah dengan maqāsid al-syarī'ah, dan mengakibatkan putusnya istiqamah dalam beribadah.

Implikasi terhadap Pihak Berkuasa Agama

Dapatan kajian ini turut mempunyai implikasi terhadap penyelarasan fatwa. Pada masa ini, panduan berkaitan rukhsah dalam solat mualaf tidak seragam antara negeri. Pihak berkuasa agama negeri perlu mempertimbangkan satu garis panduan bersama yang merujuk kepada parameter *taysir* yang telah digariskan oleh al-Ṭawīl (2005) dan Hudhayfah Ahmad (2015), agar pengajar dan mualaf mempunyai rujukan yang konsisten.

PENUTUP

Kajian ini telah menunjukkan bahawa fiqh *taysir* dalam rukun *qawli* solat bukan sekadar konsep abstrak, tetapi mempunyai kerangka hukum yang terperinci dan boleh diterapkan secara praktikal dalam konteks pengajaran mualaf. Kitab-kitab berautoriti dalam mazhab Syāfi'ī, telah menyediakan panduan yang jelas tentang had dan syarat rukhsah bagi setiap bacaan wajib.

Kajian ini berjaya mengetengahkan dua dapatan utama iaitu: Pertama, pembahagian rukun *qawli* berdasarkan sifat *i'jāz* menentukan jenis *taysir* yang boleh diberikan. Kedua, setiap rukhsah yang diberikan bersifat sementara dan terikat dengan kewajipan belajar yang berterusan. Berdasarkan dua dapatan ini, kajian ini mengemukakan cadangan modul

pembelajaran tiga peringkat sebagai sumbangan baharu kepada bidang pengajaran ibadah kepada mualaf.

Berkaitan hal ini, beberapa saranan juga ingin dikemukakan seperti berikut: Pertama, institusi mualaf seperti PERKIM dan JAIN perlu menggubal modul pengajaran solat berperingkat tiga tahap sebagaimana yang dicadangkan, dengan menetapkan jangka masa penguasaan lafaz Arab bagi setiap peringkat dan mekanisme pemantauan yang jelas.

Kedua, pengajar dan pendakwah mualaf perlu dilatih bukan sahaja dalam fiqh ibadah, tetapi juga dalam prinsip *taysir* agar mereka mampu membezakan antara kategori *i'jāz* dan bukan *i'jāz*, serta memahami had dan syarat setiap rukhsah.

Ketiga, kajian lanjutan berbentuk empirikal perlu dijalankan bagi menilai tahap penguasaan rukun *qawli* dalam kalangan mualaf di Malaysia, merentasi pelbagai latar belakang etnik dan bahasa, bagi mengukur sejauh mana jurang yang ada dan keberkesanan modul berperingkat yang dicadangkan. Dan keempat, pihak berkuasa agama negeri perlu menyelaraskan fatwa berkaitan *taysir* dalam solat mualaf bagi memastikan keseragaman amalan di seluruh Malaysia.

Khazanah fiqh yang ditinggalkan oleh ulama silam boleh menjadi rujukan yang kaya bagi memandu amalan mualaf hari ini, dengan syarat ia difahami dan diterapkan dalam konteks yang tepat. *Taysir* yang betul bukan bermakna memudah-mudahkan syariat, tetapi memastikan jalan ke arah pematuhan syariat itu sendiri dibuka seluas-luasnya kepada mereka yang benar-benar memerlukannya.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Raqīb Ṣāliḥ Muḥsin. (2019). *Fiqh taysir: Mafhūmuḥu wa Ḍawābiṭuḥu*. Dār al-Manḥāj.
- Ahmad Musadad, Mohamad Syafiqe Abd Razak, & Mohd Al-Adib Samuri. (2025). The role of the Taysir Manhaji method in the development of Islamic economic law in Indonesia through DSN-MUI Fatwas. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 13(1), 45-62.
- Rani, M. A. M., Amsyar, M. I., Adenan, F., Abdullah, M., Izham, S. S., & Said, S. (2022). An Analysis Of Teaching And Learning Methods Of Fiqh Mualaf Module In Malaysia: Analisa Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Modul Fiqh Mualaf Di Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 25(2), 1-12.
- Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad. (1997). *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Jil. 1). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mu‘ati, Kamal Jawdah Abu. (2007). *Mazahir al-Taysir fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah*. Dar al-Faruq.

- Al-Nawāwī, Muḥyī al-Dīn. (1996). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj* (Jil. 5). Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad. (1992). *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Jil. 1). Dār al-Fikr.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm. (1995). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah* (Jil. 2). Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (1990). *Al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭawīl, ‘Abdullāh Ibrāhīm. (2005). *Ḍabīṭ taysīr fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dār al-Nawādir.
- Awang, A. & Che Mat, A. (2025). Muslim Converts’ Narratives of Tolerance Towards Non Muslim Celebrations in Malaysia: A Qualitative Study in Sabah and Kelantan. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(8), 5050-5061. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.908000408>
- Awang, A., Che Mat, A. & Abdul Ghani, R. (2022). Challenges of Muallaf in Building Muslim’s Identity in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i8/14391>
- Basir, M. Z. K., Abdullah @ Tan Ai Pao, N. A. M. T., Sham, F. M., Azam, A. S. B., & Abdul Razak, M. A. (2024). A Holistic Conceptual Framework for Converts’ Da’wah Program by Integrating Al-Ghazali and Ibn Khaldun’s Guidance Models. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 405–421. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i8/22400>
- Azman Ab Rahman, Muhamad Firdaus Nurul Huda, Mohd Anuar Ramli, & Ahmad Dahlan Salleh. (2020). Konsep asas pembangunan garis panduan pelaksanaan ibadat bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 17(1), 1-40.
- Hudhayfah Ahmad ‘Akash. (2015). *Ḍawābiṭ taysīr fī al-Fatāwā*. t.p.
- Norhijjah Siamil, Mohd Anuar Ramli, & Ahmad Irdha’ Mokhtar. (2022). Aplikasi Kaedah Fiqh *Al-Mashaqqah Ajlibu Taysīr* Dalam Fiqh Banjir di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 19(2), 287-314.
- Nur Mardia Mazri, Nor ‘Azīzah Sulaiman, & Ahmad Irdha’ Mokhtar. (2024). Aplikasi Kaedah *Al-Mashaqqah Tajlib Taysīr* Dalam Pengurusan Ibadah Pesakit Skizoafektif. *Jurnal Fiqh*, 21(1), 55-84.
- Paiz Hassan, Mohd Anuar Ramli, Muhammad Yusri Yusof, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhd Imran Razak, Abd Munir Mohamed Noh, & Hamdi Rahman Mohd Yaacob. (2023). Konsep asas taysir dalam menangani isu fiqh masyarakat Islam Orang

Asli. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 5(2), 154-162.
https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_154-162

Zahin Mohamad Tahir & Arieff Salleh Rosman. (2024). Fiqh *taysir* dalam permasalahan ibadah pesakit dialisis. *Al-Hikmah*, 16(1), 1-25.

Zohdi Amin MZM. (2017). Taysir Method Of Teaching Halal And Haram To Indigenous People (Orang Asli) in Malaysia: A preliminary study. *American Scientific Publishers*, 23(5), 5000-5003.